

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2000/2001**

FEBRUARI/MAC 2001

RPK 222 - PEMULIHARAAN

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM BELAS** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

BAHAGIAN A (Jawab SEMUA soalan di dalam Borang OMR)

Pilih jawapan yang paling tepat dari senarai jawapan kepada soalan-soalan berikut:
(Markah akan ditolak bagi jawapan yang salah. Tiada markah ditolak untuk soalan yang tidak dijawab)

1. Istilah Bahasa Indonesia yang sama erti dengan “pemuliharaan” ialah _____

- a. pembugaran
- b. gebubumian
- c. tata-tanahan
- d. pelestarian
- e. kepasrahan

2. Seloka “Oh Bangau” menunjukkan kefahaman orang Melayu tentang _____

- a. burung
- b. bangau dan persekitarannya
- c. kepentingan hujan
- d. ekologi
- e. bangau

3. Kepercayaan masyarakat Cina purba kepada fahaman bahawa _____ telah memastikan bahawa alam sekitar akan selalu terpelihara.

- a. sumber alam ialah tuhan
- b. segala galanya mestи dalam keseimbangan
- c. di dalam alam ada cekerawala
- d. alam mengindahkan cekerawala
- e. sumber alam diperlukan untuk membuat alat sembahana

4. Kerosakan alam secara meluas di Malaysia bermula dengan _____
- kedatangan orang-orang asli
 - kedatangan pendatang-pendatang dari India dan Cina
 - kedatangan penjajah
 - peniruan cara hidup penjajah
 - penciptaan *Kleenex*
5. *Kitab Kejadian* di dalam *Bible* (bab 1:26-28) mengatakan bahawa _____
- manusia dilarang mengganggu flora dan fauna
 - manusia dilarang mengganggu semua sumber alam
 - hanya lelaki berhak mengambil apa saja dari alam
 - setiap manusia diberi kebebasan untuk menggunakan alam
 - setiap manusia diberikan peraturan bagaimana menggunakan alam
6. Fahaman Darwin tentang evolusi manusia dari spisis yang rendah membawa pengertian bahawa manusia _____
- perlu memulihara spisis lapisan bawah
 - tidak dipertanggungjawabkan untuk memulihara alam
 - perlu membuat persediaan untuk beransur bertukar menjadi spisis baru
 - perlu bersaing dengan spisis lain untuk dominan di Bumi
 - sudah diharmonikan dengan alam
7. Penghasilan teknologi yang merosakkan alam sekitar berpunca dari fahaman sains yang _____
- memisahkan moral dari ilmu
 - mementingkan penemuan baru
 - ingin meneroka kemanfatan alam
 - melihat alam sebagai medium penemuan
 - mengecilkan ilmu pribumi
8. Siapakah tokoh pengembara yang telah mempengaruhi seorang presiden Amerika Syarikat untuk menubuhkan sebuah Taman Negara?
- Edmund Hillary
 - John Wayne
 - John Muir
 - Lord Greystoke
 - James Audubon

9. Budaya makan di luar, menggunakan *Kleenex*, senibina “moden”, menghantar ibubapa ke rumah wargatua, satu rumah satu komputer, dan sebagainya merupakan satu _____
- ukuran kemajuan
 - gaya hidup
 - perancangan moden
 - usaha emuliharaan
 - kebaikan globalisasi
10. Untuk ekolancang berlaku dengan sebenarnya di Kg Sungai Rusa, Balik Pulau, penduduk-penduduk di situ mesti _____
- didedahkan kepada lebih ramai pelancong
 - mengadakan lebih banyak aktiviti menarik
 - terlibat dalam proses pembuatan keputusan
 - diberikan lebih banyak taklimat oleh Pelancongan Malaysia
 - mengadakan lebih banya tanda arah ke Kg. Rusa
11. Apakah nama Taman Negara yang pertama ditubuhkan di Amerika Syarikat?
- Yellowstone Park
 - Yosemite Sam
 - Central Park
 - High Sierra
 - Disneyland
12. Taman Negara pertama di Amerika ditubuhkan oleh seorang Presiden yang menggemari _____
- fotografi
 - melukis burung
 - memburu
 - berakit dan berperahu
 - treking
13. _____ ialah tokoh yang telah memperkenalkan alam sekitar melalui seni-fotonya.
- Ansel Adams
 - Richard Avedon
 - Lord Snowdon
 - Margaret Bourke White
 - Thomas Edison

14. Masalah banjir terus berlarutan akibat dari _____
- hujan lebat yang lebih kerap berlaku
 - sistem perparitan yang selalu tersumbat
 - penerokaan besar-besaran kawasan hijau
 - pertumbuhan ekonomi yang pesat
 - pembinaan terusan dan taliair untuk pertanian
15. Cendekiawan moden yang menerangkan fahaman alam sekitar Islam melalui buku *The Islamic Cosmological Doctrine* ialah _____
- Seyyed Hoessein Nasr
 - Ismail Faruqi
 - Ismail Kamus
 - Syed Muhammad Naquib Al-Attas
 - Anwar Ibrahim
16. Ian MacHarg, seorang Profesor dari MIT, telah menghasilkan sebuah buku landskap klasik yang terus mempengaruhi perancang dan pecinta alam. Buku ini ialah _____
- Design With Nature*
 - Nature Conservation*
 - Future Shock*
 - Only One World*
 - The Clash of Civilisations*
17. Di dalam bahagian awal bukunya, MacHarg telah menunjukkan tentang perbezaan tanggapan tentang _____ di negara Belanda dan di negeri New Jersey.
- alam
 - konsep mesra alam
 - mergastua
 - burung
 - flora pantai
18. Senitaman yang paling berkesan di dalam mewujudkan persekitaran yang sihat ialah senitaman yang _____
- cantik
 - mengadunkan landskap lembut dan keras
 - dapat mencambahkan banyak spesis
 - sensitif kepada rupabumi
 - berupaya menarik ramai pelancong

18. Kaedah penanaman yang paling berkesan untuk mencapai tujuan di atas (SOALAN 17) ialah dengan cara menanam pokok _____
- secara berbaris
 - mengikut spesis
 - secara berkelompok
 - berbunga
 - harum
20. Bekalan air di negara semakin berkurangan kerana _____
- hujan yang tidak menentu
 - kekurangan pembinaan empangan
 - kepupusan kawasan tадahan
 - penggunaan air yang kian meningkat
 - sebahagian air dieksport
21. Gro Brundlandt telah mempopularkan konsep _____
- percambahan hayat
 - pembangunan mampan
 - kemesraan alam
 - EIA
 - ekolancang
22. Laporan keluaran Bangsa-Bangsa Bersatu yang telah mengketengahkan konsep pembangunan mampan ialah _____
- Our Planet
 - Our Common Heritage
 - Our Common Future
 - Signs of Hope
 - Agenda 21
23. Pergerakan “bandar sihat” bermula dengan langkah-langkah yang dibuat di bandar _____
- New York
 - London
 - Beijing
 - Toronto
 - Singapura

24. Usaha "bandar sihat" di Malaysia dimulakan di _____
- Kuala Lumpur
 - Georgetown
 - Putrajaya
 - Cyberjaya
 - Kuching
25. Selain dari menambah ruang hijau di dalam bandar, projek "Kebun Di Bandar" bertujuan untuk _____
- menambahkan bekalan sumber makanan di Bandar
 - mengindahkan Bandar
 - menarik pelancong
 - mewujudkan taman tambahan di Bandar
 - menyelamat sepsis terancam
26. Sesuatu Sidang Kemuncak antarabangsa hanya diadakan _____ sekali.
- setahun
 - lima tahun
 - sepuluh tahun
 - dua puluh tahun
 - bila timbul keperluan untuk ianya diadakan
27. Salah satu hasil persidangan di Rio '92 ialah saranan kepada kerajaan-kerajaan tempatan untuk melaksanakan lebih banyak projek yang mesra alam. Saranan ini terkandung di dalam apa yang kini dikenali sebagai _____
- Perkara 12
 - Agenda 21
 - Ketetapan 2 (i)
 - Peraturan 1 (ii)
 - Arahan Rio '92
28. Ekoran dari persidangan di Rio, kerajaan tempatan di seluruh dunia semakin menyedari tentang kepentingan penglibatan awam di dalam menjaya dan melangsungkan sesuatu projek. Hasil dari kesedaran ini suatu majlis antarabangsa yang dikenali sebagai ICLEI telah ditubuhkan untuk menggalakkan lebih banyak lagi _____
- penuhuhan kerajaan tempatan
 - sumbangan ikhlas untuk projek tempatan
 - tabung-tabung projek tempatan
 - pembentukan kerajaan untuk projek-projek
 - projek inisiatif tempatan

29. Agensi di Malaysia yang paling tekun menjalankan projek-projek mampan ialah _____

- a. Jabatan Alam Sekitar
- b. Jabatan Hutan
- c. PERHILITAN
- d. Pelancongan Malaysia
- e. Jabatan Perdana Menteri

30. Manakala Persatuan Alam Malaysia (MNS) telah lama menghasilkan karya-karya yang meningkatkan kesedaran alam sekitar di kalangan saintis Malaysia, kesedaran umum boleh dikatakan berlaku akibat usaha-usaha _____

- a. Jabatan Penerangan
- b. Jabatan Perdana Menteri
- c. Jabatan Alam Sekitar
- d. Sahabat Alam Malaysia
- e. Persatuan Pengguna Pulau Pinang

31. Jarak sempadan zon pantai di subzon daratan ditentukan oleh _____

- a. Kanun Tanah Negara
- b. Perlembagaan Negara
- c. Negeri yang berkaitan
- d. Perundungan antarabangsa
- e. Pejabat Tanah

32. Kes perhubungan John Muir dan T.Roosevelt menunjukkan kepentingan _____

- a. ilmu orang Barat kepada masalah tempatan
- b. riadah di dalam pembangunan
- c. sejarah di dalam penyelesaian masalah moden
- d. pakatan kerajaan dan swasta
- e. pakatan kerajaan dan pencinta alam

33. Pertukaran istilah-istilah yang berkaitan dengan pemuliharaan (seperti “pengekalan”, “pemuliharaan”, “pembangunan mampan”, dll.) menunjukkan _____

- a. ketidakstabilan pemikiran di kalangan cendekiawan
- b. kesukaran pemilihan kerana kewujudan kepelbagaiannya istilah
- c. skop pemuliharaan yang masih kabur
- d. skop pemuliharaan yang semakin meluas
- e. ketiadaan konsep pemuliharaan di dalam perkamusahan Melayu

34. Salah satu masalah dasar kerajaan-kerajaan tempatan di dalam menangani masalah pelupusan sampah ialah _____
- menyediakan ruang untuk pelupusan sampah
 - kekurangan tenaga kerja
 - peruntukan wang yang tidak mencukupi
 - teknologi pelupusan yang kian jumud
 - pengurusan kutipan yang tidak teratur
35. Pada peringkat awalnya, Akta Kawalan Alam Sekitar menumpukan kegiatan pemuliharaan alam kepada _____
- pendidikan alam sekitar kepada orang awam
 - melibatkan orang awam dalam perancangan alam sekitar
 - penggubalan piawaian untuk penyeragaman pelaksanaan perundangan
 - latihan sektor pentadbiran alam sekitar
 - kawalan pencemaran
36. Laporan (tahunan) Kualiti Alam Sekitar di Malaysia diterbitkan oleh _____
- Jabatan Perdana Menteri
 - Kementerian Sains dan Teknologi
 - Jabatan Alam Sekitar
 - Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
 - Persatuan Pengguna Pulau Pinang
37. Krisis alam sekitar sekarang ini berpunca dari gaya hidup “moden” yang _____
- bebas
 - boros
 - mementingkan fesyen
 - mesra alam
 - canggih
38. Penggunaan sumber alam yang berupaya membenarkan generasi masa depan terus menggunakannya dikenali sebagai _____
- pemuliharaan
 - pemeliharaan
 - pembangunan mampan
 - mesra alam
 - ekolancang

39. Di Bumi ini stok air tawar paling banyak boleh didapat dari _____
- tasik dan kolam
 - sungai-sungai
 - air larian di permukaan bumi
 - dalam tanah
 - laut
40. Menurut Laporan Kualiti Alam Sekitar, negeri _____ sudah kehabisan kawasan tadahan utama.
- Kedah
 - Perlis
 - Perak
 - Selangor
 - Kelantan
41. Cara paling berkesan seseorang perancang boleh membantu memastikan bekalan air yang berterusan ialah dengan _____
- menggazetkan kawasan tadahan
 - membuat pelan pembinaan empangan
 - membina pembetungan yang mencukupi
 - meneroka kaedah membuat hujan tiruan
 - mendalamkan sungai dan tasik
42. Sebatang sungai dari senarai berikut masih “bersih”
- Sungai Pinang
 - Sungai Juru
 - Sungai Kinta
 - Sungai Linggi
 - Sungai Seget
43. Mengikut perundangan Negara, pentadbiran tanah di dalam sesuatu mukim dilakukan oleh _____
- kerajaan Pusat
 - kerajaan negeri
 - kerajaan tempatan
 - ketua kampung
 - Pemegang Amanah Tanah Waqaf

44. Dokumen perundangan utama yang sering dirujuk untuk tujuan pentadbiran tanah ialah _____
- Perlembagaan Negara
 - Kanun Tanah Negara
 - Akta Tanah Negara
 - Akta Pemeliharaan Tanah Negara
 - Ordinan Tanah Negeri-Negeri
45. Pembinaan sebuah empangan akan menukar ekologi persekitarannya kerana _____
- empangan yang dibinakan tidak harmoni dengan persekitaran tersebut
 - perbelanjaan yang digunakan untuk projek tersebut membazirkan
 - kawasan sekitar di banjirkan
 - hidupan akuatik tidak dapat sampai ke hulu
 - kualiti air menurun
46. Dokumen perundangan yang memandatkan Jabatan Alam Sekitar sebagai agensi pengurus alam sekitar ialah _____
- Akta Alam Sekitar
 - Akta Kualiti Alam Sekitar
 - Akta Pemuliharaan Alam Sekitar
 - Enakmen Alam Sekitar Negara
 - Ordinan Alam Sekitar Negara
47. Kewajiban menyediakan laporan **EIA** terdapat di dalam _____
- Perlembagaan Persekutuan
 - Akta Kesan Ke Atas Alam Sekitar
 - Enakmen Kesan Ke Atas Alam Sekitar
 - arahan Kementerian Alam Sekitar
 - perundangan di atas (soalan 46)
48. Menurut perundangan di atas (soalan 47), EIA wajib disediakan _____
- untuk projek projek bersekalai besar
 - apabila di arahkan oleh Jabatan Alam Sekitar
 - apabila diarahkan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa
 - untuk projek projek di kawasan mudah rosak
 - untuk projek projek yang tersenarai di dalam perundangan di atas
49. Faktor utama yang mengancam kemampunan spisis ialah _____
- pemburuan
 - pembalakan
 - wabak penyakit
 - ketiadaan pasangan
 - kehilangan habitat

50. Spisis mamalia besar perlu diselamatkan kerana sumbangan mereka di dalam menjalankan suatu fungsi yang tidak dapat dilakukan dengan berkesan oleh manusia. Apakah fungsi ini?
- keperluan perubatan
 - keperluan zoo dan sarkis
 - industri pelancongan
 - kawalan makhluk perosak
 - industri kulit
51. Satu dari spisis di bawah telah pupus.
- burung kasawari
 - burung cenderawasih
 - burung dodo
 - kupu-kupu *Raja Brooke*
 - binturung
52. Sebuah tapak yang dikhurasukan untuk pemuliharaan orang utan terdapat di
-
- Taman Negara
 - Endau Rompin
 - Taman Kinabalu
 - Taman Negara Bako
 - Sepilok
53. Satu dari kriteria di bawah digunakan untuk membuat takrifan *zon pantai* di Amerika Syarikat.
- panjang pantai
 - kesuburan tanah
 - kontur
 - kadar hakisan
 - keluasan zon tempatan
54. England dan Wales menggunakan satu pendekatan unik untuk mencadangkan pemuliharaan sesuatu kawasan tabi'i. Dengan berdasarkan data yang jitu sesuatu kawasan itu diklasifikasikan sebagai
- SSII
 - SSSI
 - IISI
 - ISSI
 - IISI

55. Apakah mesej yang ingin disampaikan oleh buku *The Silent Spring*?
- anak sungai boleh kering
 - anak sungai menjadi sasaran pembuangan sisa toksik
 - pencemaran boleh mematikan saliran-saliran air
 - bunyi-bunyian dari alam telah ditenggelami kebisingan motor
 - racun serangga boleh mempusukan burung
56. Hanya terdapat sebuah bandar di negara “sedang membangun” yang telah berjaya mengharamkan penggunaan kereta untuk satu hari sehingga kini. Bandar ini ialah
- Fukuoka
 - Havana
 - Bogota
 - Kuching
 - Dubai
57. Mergastua, khususnya berbagai spesis burung mampu mengajar manusia _____
- menambahkan bekalan protin di pasaran
 - memupuk sifat kasih sayang
 - menambahkan pendapatan melalui pelancongan
 - untuk hidup secara bermasyarakat
 - untuk menangani masalah individualisme
58. Mengapakah terdapat suatu usaha yang bersungguh untuk memulihara hutan tropika?
- kerana kesedaran kepelbagaian kehidupan yang dicambahkannya
 - kerana kesedaran kepupusan bermacam spisis di dalamnya
 - kerana terdapat banyak spisis flora yang mempunyai nilai farmasitikal
 - kerana permintaan pembekalan balak yang semakin meningkat
 - kerana kesedaran potensi pelancongan yang terdapat di situ
59. Sira Kuala Gula ditubuhkan untuk _____
- memulih semula hutan bakau
 - menarik penyu mendarat
 - menggalakkan pembiakan burung
 - menarik pelancong ke kawasan bakau
 - menarik minat para ilmuan membuat kajian

60. Dua puluh buah buah pulau telah diberikan satu status istimewa oleh kerajaan Malaysia. Apakah status ini?
- taman laut
 - destinasi pelancongan utama negara
 - pulau bebas cukai
 - sira burung
 - pulau bebas-lancong
61. Di Malaysia Pengurusan zon pantai secara terselaras diwajibkan oleh _____
- Akta Perancangan Bandar dan Desa
 - Akta Kualiti Alam Sekitar
 - Kanun Laut Negara
 - Garis panduan Pembangunan di Zon Pantai
 - tiada akta khusus
62. Bandar Vancouver berjaya mengurangkan beban pelupusan sampah organiknya dengan _____
- mengadakan satu lokasi khas untuk bahan buangan organik
 - menjual cacing kepada pengguna
 - menjual bahan buangan organik kepada petani
 - menderma bahan buangan organik kepada petani
 - mengharamkan pembuangan sisa organik
63. Satu dari yang berikut **bukan** aktiviti ekolancang _____
- berbasikal ke dalam kampung
 - bersukan *eco-challenge* di hutan Sarawak
 - menginap di rumah Melayu dalam kampung
 - memberi upah kepada pemandu orang asli tanpa ambil resit
 - memanjat pokok bersama sekumpulan kanak-kanak
64. Pelancongan boleh membawa impak negatif pada alam sekitar melalui _____
- kedatangan pelancong luar tanpa visa
 - kebenaran untuk pelancong berjalan di dalam hutan simpan
 - aktiviti berakit di sungai-sungai
 - ketiadaan statistiks jumlah pelancong di sesuatu tempat
 - aktiviti memanjat cerun-cerun curam

65. Satu dari yang di bawah **tidak menyebabkan makhluk perosak berada di bandar**
-
- banyak makanan
 - tidak sempat lari ke hutan semasa proses pembinaan
 - tiada mergastua pemangsa
 - kawasan hijau terhubung dengan hutan asli
 - struktur-struktur baru menyerupai habitat asal
66. Pendekatan senitaman terbaik untuk mengurus mergastua di bandar dengan berkesan ialah melalui
-
- menanam deretan pokok-pokok besar
 - meyulam deretan pokok besar dengan pokok renek
 - mewujudkan kesinambungan tumbuhan di bandar dan luar bandar
 - mempelbagaikan spisis pokok-pokok besar dalam kelompok
 - membanyakkan taman di atas bumbung
67. Dari senarai di bawah, projek manakah yang tidak diperlukan untuk menghasilkan satu laporan Impak ke Atas Alam Sekitar?
- KLIA*
 - Putrajaya*
 - Jembatan Pulau Pinang*
 - projek penambakan sepanjang pantai Kedah
 - Multi-media Super Corridor*
68. Perlaksanaan penggunaan Impak ke Atas Alam Sekitar tidak begitu berkesan kerana pemaju projek
-
- tidak menyerahkan laporan
 - tidak menepati tarikh serahan
 - pemaju memecahkan projek kepada fasa-fasa kecil
 - agensi pelaksana kekurangan tenaga kerja penilai laporan
 - garis panduan yang spisik tidak diberikan
69. Apakah projek yang menjadikan Bandar Manhattan, New York sebagai model sebuah metropolis yang mampu mengimbangkan tepubina dengan alam sekitarnya?
- pemuliharaan kualiti udaranya
 - pemuliharaan sumber pantainya
 - pembaharuan rekabentuk senibina tepi pantai
 - Central Park
 - Madison Square Garden

70. Tokoh terawal yang berjaya mencelahkan ruang hijau di tengah-tengah bandar besar ialah _____
- Ansel Adams
 - Roger Tory Peterson
 - G.Pinchot
 - Frederick Law Olmsted
 - Clarence Stein
71. Dua bilik hotel yang menghalau kedua pemandangan yang berlainan akan dibezakan harganya. Dalam konteks pemuliharaan, apakah natijah perkara ini?
- hotel merupakan tempat terbaik untuk menikmati pemandangan
 - pemandangan di hotel lebih baik dari pemandangan di sepanjang jalan
 - hotel mengeksplorasikan sumber pemandangan
 - pemandangan ada nilai ringgitnya
 - orang awam perlu dikenakan bayaran untuk menikmati pemandangan
72. Bandar _____ ialah sebuah contoh bandar yang telah berjaya mengharamkan penggunaan kereta di dalam pusat bandarnya.
- Singapura
 - Beijing
 - Manchester
 - Calgary
 - Zermatt
73. Undang-undang tidak dapat merobah alam sekitar, yang dapat merubahnya ialah _____
- pelaksanaannya
 - sikap orang awam
 - kebolehan kepimpinan
 - kecukupan pembiayaan
 - penggunaan teknologi yang relevan
74. Seorang tokoh tempatan yang banyak menyumbang kepada kesedaran tentang alam sekitar di kalangan rakyat ialah _____
- Prof. Di Raja Ungku Aziz
 - Dato'Shahnon Ahmad
 - Awang Selamat
 - M. Nasir
 - S.M. Idris

75. Dugung memerlukan habitat _____

- a. air jernih
- b. paya bakau
- c. terumbu karang
- d. beting rumput laut
- e. flora campuran

(75 MARKAH)

BAHAGIAN B (Jawab SATU soalan sahaja)

1. a) Di antara sumber flora dan sumber fauna, sumber manakah yang memerlukan usaha pemuliharaan yang lebih bersungguh? Kenapakah anda berkata begitu.

Kuatkan hujah-hujah yang anda dengan bantuan contoh-contoh yang khusus.

b) Cadangkan secara ringkas langkah-langkah utama yang boleh diambil untuk memulihara sumber ini.

(25 MARKAH)

ATAU

2. Bolehkah sesuatu aktiviti “mesra alam” menyanggahi semangat pemuliharaan?

a) Tunjukkan **dua (2)** contoh bagaimana ini boleh berlaku

b) Nyatakan secara ringkas bagaimana pembetulan berpotensi dibuat.

(25 MARKAH)

-oooOOOooo-